

LAPORAN TAHUNAN PROGRAM / AKTIVITI AKRAB
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP
TAHUN 2023

JAWATANKUASA

PERKARA	NAMA/ BILANGAN
NAMA PENYELARAS	PUAN NORSHILA BINTI ABDUL LATIFF H/P NO. 013-826 8187 Email: norshila@kpdn.gov.my
NAMA Pengerusi	YBRS. DR. ROSBI BINTI ABD. RAHMAN H/P NO. 013-351 9594 email : rosbi@kpdn.gov.my
JUMLAH AHLI JAWATANKUASA	21 ORANG

BILANGAN KEAHLIAN AKRAB

BIL	PERINGKAT	LELAKI	PEREMPUAN
1	KEMENTERIAN	38	48
2	JABATAN/ SUK	-	-
	JUMLAH	38	48

BILANGAN KEAHLIAN AKRAB CARE

BIL	PERINGKAT	LELAKI	PEREMPUAN
1	KEMENTERIAN	7	6
2	JABATAN/ SUK	-	-
	JUMLAH	7	6

1.0 DATA STATISTIK AKTIVITI AKRAB KPDN

1.1 LAPORAN JUMLAH SESI BIMBINGAN KAUNSELING

JANTINA	KESIHATAN	KEWANGAN	DISIPLIN	LAIN-LAIN	JUMLAH
LELAKI	10	6	3	6	25
PEREMPUAN	12	5	0	9	26
JUMLAH	22	11	3	15	51

1.2 LAPORAN PELAKSANAAN PROGRAM AKRAB KPDN

BIL	NEGERI	BILANGAN MENGIKUT JENIS PROGRAM			SESI BIMBINGAN
		PSIKOLOGI	KEROHANIAN	CSR	
1	KEDAH (ZON UTARA)	1	0	1	0
2	PULAU PINANG (ZON UTARA)	0	0	0	2
3	PERAK (ZON UTARA)	1	3	0	0
4	PUTRAJAYA (ZON TENGAH)	5	0	1	0
5	NEGERI SEMBILAN (ZON SELATAN)	1	0	3	22
6	MELAKA (ZON SELATAN)	2	0	1	24
7	JOHOR (ZON SELATAN)	0	0	1	0
8	KELANTAN (ZON TIMUR)	2	0	0	3
9	TERENGGANU (ZON TIMUR)	1	0	0	0
JUMLAH		13	3	7	51

2.0 LAPORAN PROGRAM / AKTIVITI AKRAB KPDN TAHUN 2023

2.1 AKRAB Zon Utara (Kedah)

2.1.1 Kaunter 'Time Out' Bersama Unit Psikologi Dan AKRAB



Sesi kaunter ini telah diadakan bersempena Program Santai bersama Psikologi Siri 1/2023 Zon Utara pada 6 dan 7 Mac 2023 di Dewan Auditorium Wisma Persekutuan Negeri Kedah. Antara aktiviti yang dilaksanakan ialah kaunter sesi konsultasi bimbingan, aktiviti terapi mewarna, kaunter Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dan ujian psikologi.

2.1.2 Program Cabaran Interaktif Pengguna 2023



Program ini telah diadakan pada 25 Julai 2023 di Taman Tasik Darulaman, Kubang Pasu, Jitra, Kedah. Program ni merupakan satu program bersama komuniti yang dianjurkan khusus kepada pelajar sekolah menengah peringkat Negeri Kedah. Antara aktiviti yang dilaksanakan ialah pertandingan dan perkongsian berkaitan kepenggunaan. Ahli AKRAB berperanan sebagai fasilitator dalam membimbing para pelajar dalam aktiviti pertandingan berkaitan kepenggunaan.

2.2 AKRAB Zon Utara (Perak)

2.2.1 Program Nilai-Nilai Murni KPDN Perak Anjuran Bersama AKRAB Negeri Perak



Program telah diadakan pada 15 September 2023 di Kinta Riverfront Hotel anjuran bersama KPDN Negeri Perak bersama AKRAB KPDN Negeri Perak. Ceramah telah disampaikan oleh Ustaz Muhammad James Baven berkaitan Kerja Sebagai Satu Ibadah: Pengaplikasian Maqasid dalam Dunia Islam.

2.2.2 Program Tarbiah Personaliti: Kursus Kepakaran Fardhu Kifayah - Pengurusan Jenazah Lelaki Dan Perempuan



Program telah berlangsung pada 29 Oktober 2023 di pejabat KPDN Negeri Perak. Objektif program ini ialah berkongsi ilmu tentang pengurusan jenazah. Selain itu sebagai penerapan dan pengukuhan elemen muhasabah diri kepada para peserta supaya sentiasa menjaga ibadah dan perlakuan sepanjang kehidupan agar beroleh pengakhiran yang baik.

2.2.3 Kursus Pengurusan Kewangan



Program telah berlangsung pada 19 hingga 20 September 2023 bertempat di D' Hotel, Seri Iskandar, Perak. Tujuan kursus diadakan ialah memberikan pengetahuan tentang kepentingan pengurusan kewangan yang betul dalam aspek pekerjaan harian. Seramai 35 orang peserta daripada KPDN Negeri Perak dan cawangan telah hadir kursus ini.

2.2.4 Majlis Bacaan Yassin dan Tahlil KPDN Perak



Majlis Bacaan Yassin dan Tahlil merupakan aktiviti yang berlangsung setiap minggu pada hari Jumaat. Bacaan yassin dan tahlil ini dipimpin oleh Tuan Hj. Mohd Sakhri bin Mohd Salleh, Timbalan Ketua Seksyen Penguat Kuasa merangkap Biro Agama dan Kebajikan AKRAB KPDN dan wakil AJK AKRAB Negeri Perak.

2.3 AKRAB Zon Tengah (Putrajaya)

2.3.1 Program Resensi Buku #KitaBantuKita



Program ini telah diadakan pada 20 Jun 2023 bertempat di Perpustakaan KPDN dengan kerjasama Majlis AKRAB Kebangsaan (MAK). Panel jemputan bagi program ini ialah Encik Mohd Afendi bin Ya @ Zakaria, Timbalan Pengerusi AKRAB KPDN Sesi 2023/2025 yang juga merupakan Pengerusi MAK dan Puan Suellen binti Muhammad Sharif, Exco Latihan dan Pembangunan, MAK. Program ini bertujuan untuk berkongsi kandungan dan pengalaman penerbitan buku #kitabantukita serta menyampaikan maklumat mengenai AKRAB.

2.3.2 Program Pra AKRAB Tahap 1



Program ini telah diadakan pada 21 hingga 23 Jun 2023 bertempat di Hotel Mercure Kuala Lumpur Shaw Parade. Seramai 33 orang peserta yang telah hadir bagi program ini. Tujuan program ini adalah untuk melatih pegawai-pegawai yang berpotensi menjadi ahli AKRAB bagi membantu Kementerian dan Agensi dibawahnya dalam menangani pegawai-pegawai yang mempunyai

isu prestasi kerja di samping menjadi rakan sokongan emosi di pejabat apabila mereka ditauliahkan nanti. Melalui program ini, para peserta didedahkan dengan ilmu dan kemahiran dalam mempersiapkan diri menjadi ahli AKRAB kelak.

2.3.3 Program Pemantapan AKRAB: Pengendalian Sesi Bimbingan



Program ini telah diadakan pada 7 dan 8 Ogos 2023 bertempat di Dewan Makan, Aras 6, KPDN Putrajaya. Seramai 20 orang ahli AKRAB KPDN telah hadir bagi program ini. Program ini bertujuan sebagai latihan ulangkaji kepada ahli AKRAB dalam kemahiran mengendalikan bimbingan. Diakhir program ini diharapkan ahli AKRAB akan lebih bersedia dan berkeyakinan untuk mengendalikan sesi bimbingan bersama rakan di pejabat.

2.3.4 Program Pra AKRAB Tahap 2



Program ini telah diadakan pada 24 Ogos 2023 secara atas talian dan 28 hingga 30 Ogos 2023 secara bersemuka di Hotel Haji Ismail Group, Pulau Langkawi, Kedah. Peserta yang hadir adalah calon yang telah berjaya lulus ujian Pra AKRAB Tahap 1 iaitu seramai 33 orang peserta. Pada 29 Ogos 2023, para peserta juga telah melaksanakan tugas *Corporate Social Responsibility* (CSR) di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK), Langkawi. Antara aktiviti

yang dilakukan ialah gotong royong pembersihan dan aktiviti bermain bersama anak-anak istimewa yang belajar di PPDK tersebut.

2.3.5 Konvensyen AKRAB Kebangsaan Kali ke 8 Tahun 2023



Konvensyen telah diadakan pada 3 dan 4 Oktober 2023. Konvensyen ini merupakan anjuran Bahagian Pengurusan Psikologi, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bersama Majlis AKRAB Kebangsaan (MAK) dengan kolaborasi beberapa rakan strategik iaitu Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup dan PERKESO. KPDN telah dipilih sebagai tuan rumah lokasi penganjuran konvensyen. Majlis perasmian konvensyen telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Azhar bin Ahmad, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan), JPA.

2.4 AKRAB Zon Selatan (Negeri Sembilan)

2.4.1 Program Ziarah AKRAB



20 Februari 2023



5 Julai 2023



21 September 2023

Sepanjang 2023 ini, AKRAB KPDN Negeri Sembilan telah mengadakan beberapa siri kunjungan bagi menziarahi warga KPDN Negeri Sembilan yang telah ditimpa kemalangan / kematian ahli keluarga / sakit / dilanda musibah.

Pada kunjungan tersebut, ahli AKRAB telah memberikan sokongan psikologi kepada pegawai terbabit dan juga menyampaikan sedikit sumbangan hasil kutipan daripada warga KPDN Negeri Sembilan bagi meringankan kesulitan pegawai dan keluarga.

2.4.2 Ceramah Pengurusan Stress Oleh Hospital UCSI



Program telah diadakan pada 10 Ogos 2023 semasa Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan. Program ini telah dihadiri lebih kurang 80 orang pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di KPDN Negeri Sembilan termasuk pejabat cawangan. Ceramah telah disampaikan oleh pihak Hospital UCSI Port Dickson yang mana intipati adalah berkaitan pengurusan stress dan pemakanan yang seimbang. Pemeriksaan kesihatan secara percuma juga telah dilakukan sepanjang majlis dijalankan.

2.5. AKRAB Zon Selatan (Melaka)

2.5.1 Program Corporate Social Responsibility AKRAB KPDN Melaka



Pada 14 Mac 2023, ahli AKRAB KPDN Negeri Melaka bersama-sama Skuad Sukarelawan Banjir (SSB) KPDN Negeri Melaka telah melaksanakan bantuan membersihkan rumah salah seorang pegawai KPDN Melaka yang telah

dilanda banjir di Kampung Jawa, Lenga, Muar, Johor. Ahli AKRAB turut telah memberikan sokongan psikologi kepada keluarga mangsa.

2.5.2 Ceramah Pengurusan Kesihatan Mental



Program telah berlangsung pada 27 September 2023 bertempat di Hotel Sama-sama, Sepang, Selangor. Slot ceramah telah disampaikan oleh Puan Lee Kah Nyin, Ketua Unit Pengurusan Psikologi, KPDN. Intipati ceramah adalah berkisar tentang kaedah mengurus kesihatan mental dan amalan gaya hidup yang sihat bagi mengekalkan kesejahteraan mental. Peserta adalah terdiri daripada Ketua Seksyen dan Ketua Unit KPDN Negeri Melaka. Program dilaksanakan dengan kerjasama AKRAB KPDN Negeri Melaka dan Pejabat KPDN Negeri Melaka yang dirasmikan oleh Puan Norena Jaafar, Pengarah KPDN Negeri Melaka.

2.5.3 Seminar Pengurusan Stress



Program Seminar Pengurusan Stress ini telah dianjurkan pada 1 Disember 2023 secara bersama antara Kelab Kebajikan dan Rekreasi KPDN Melaka (KKRK) dan AKRAB KPDN Negeri Melaka. Seminar ini memberikan peluang kepada warga kerja KPDN Negeri Melaka memahami dengan mendalam berkaitan pengurusan stres yang telah disampaikan oleh Puan Lee Kah Nyin, Pegawai Psikologi KPDN Putrajaya. Program ini dirasmikan oleh Puan Norena Jaafar, Pengarah KPDN Negeri Melaka. Tiga slot aktiviti telah diadakan

sepanjang program ini berlangsung iaitu sesi ceramah, aktiviti terapi mewarna dan sesi bimbingan & kaunseling.

2.6 AKRAB Zon Selatan (Johor)

2.6.1 Program Corporate Social Responsibility AKRAB KPDN Johor



Pada 4 Mac 2023, ahli AKRAB KPDN Negeri Johor telah menyertai misi bantuan pasca banjir bersama-sama Kelab Kebajikan KPDN Negeri Johor di Pusat Penempatan Sementara (PPS) di sekitar Batu Pahat, Johor. Dalam misi tersebut, pelbagai sumbangan dalam bentuk makanan dan keperluan asas telah diagihkan kepada mangsa-mangsa banjir. Ahli AKRAB turut memberikan sokongan psikologi kepada mangsa-mangsa yang terlibat.

2.7 AKRAB Zon Timur (Kelantan)

2.7.1 Program Menyulam Hati dan Derma Darah



Program telah berlangsung pada 1 Jun 2023 bertempat di perkarangan pejabat KPDN Negeri Kelantan. Program ini merupakan satu program penghayatan psikologi kesihatan kepada kakitangan KPDN Negeri Kelantan dengan kerjasama Yayasan Kebajikan Negara telah dirasmikan oleh Tuan Haji Azman bin Ismail, Pengarah KPDN Negeri Kelantan. Objektif program ini diadakan bagi memberi pendedahan kepada kakitangan berkaitan psikologi kesihatan

dan sebagai platform perbincangan secara bersemuka berkaitan sebarang permasalahan kesihatan. Pengisian program adalah ceramah dan klinik di kaunter bergerak daripada Yayasan Kebajikan Negara.

2.7.2 Sesi Kaunter Konsultasi Psikologi bersama Unit Psikologi dan AKRAB



Sesi kaunter ini telah diadakan bersempena Program Santai bersama Psikologi Siri 2/2023 Zon Timur pada 7 November 2023 di Pejabat KPDN Negeri Kelantan. Antara aktiviti yang dilaksanakan ialah kaunter sesi konsultasi bimbingan, aktiviti terapi mewarna, kaunter Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), ujian psikologi serta bimbingan terapi Zen Tangle oleh Puan Lee Kah Nyin, Ketua Unit Pengurusan Psikologi.

2.8 AKRAB Zon Timur (Terengganu)


2.8.1 Sesi Kaunter Konsultasi Psikologi bersama Unit Psikologi dan AKRAB



Sesi kaunter ini telah diadakan bersempena Program Santai bersama Psikologi Siri 3 / 2023 Zon Timur pada 8 November 2023 di Pejabat KPDN Negeri Terengganu. Antara aktiviti yang dilaksanakan ialah kaunter sesi konsultasi bimbingan, aktiviti terapi mewarna, kaunter Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), ujian psikologi serta bimbingan terapi Zen Tangle oleh Puan Lee Kah Nyin, Ketua Unit Pengurusan Psikologi.

3.0 LAPORAN MESYUARAT AHLI JAWATANKUASA AKRAB TAHUN 2023

3.1 Mesyuarat Agong AKRAB KPDN kali ke 7



Mesyuarat Agong AKRAB KPDN kali ke 7 ini telah diadakan pada 23 Februari 2023 secara atas talian. Mesyuarat ini bertujuan bagi membubarkan ahli jawatankuasa AKRAB Sesi 2020/ 2022 dan melantik AJK AKRAB KPDN yang baru bagi Sesi 2023/2025. Pada mesyuarat kali ini, undian telah dilaksanakan secara atas talian bagi membolehkan ahli-ahli AKRAB memilih kepimpinan baru AKRAB. Laporan program / aktiviti dan kewangan AKRAB KPDN sepanjang tahun 2020/2022 turut dibentangkan kepada ahli AKRAB semasa mesyuarat berlangsung.

3.2 Mesyuarat Ahli Jawatankuasa AKRAB Bil 1/2023

Mesyuarat telah diadakan secara *hybrid* pada 5 April 2023 bertempat di Bilik Mesyuarat Azalea, Bahagian Akaun, Aras 6, KPDN dan atas talian menerusi Google Meet. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh YBrs. Dr. Rosbi binti Abdul Rahman, Pengerusi AKRAB KPDN Sesi 2023/2025. Agenda mesyuarat tersebut adalah untuk membincangkan tentang perancangan program AKRAB bagi tahun 2023.

4.0 PENCAPAIAN TERBAIK AKRAB KPDN

4.1



YBrs. Dr. Rosbi binti Abd. Rahman

Pengerusi AKRAB KPDN Sesi 2023/2025

Pelantikan sebagai **Value Champion Officer (VCO)** sempena Persidangan Psikologi Perkhidmatan Awam pada 26 hingga 27 September 2023.

4.2



Penerima Anugerah Khas sempena Konvensyen AKRAB Kebangsaan Kali ke 8 Tahun 2023 pada 3 hingga 4 Oktober 2023.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup



Puan Mastura binti Haji Ariffin

AJK Wakil Negeri Sarawak Sesi 2023/2025

Penerima Anugerah AKRAB Utama (Kategori Individu)

sempena Konvensyen AKRAB Kebangsaan Kali ke 8 Tahun 2023 pada 3 hingga 4 Oktober 2023.

5.0 CADANGAN PENAMBAHBAIKAN PROGRAM AKRAB

- 5.1** Meneruskan penganjuran kursus / program ulangkaji kemahiran bimbingan agar semua ahli AKRAB dapat dimantapkan semula kemahiran bimbingan dan memainkan peranan sebenar mereka sebagai rakan pembimbing dengan lebih yakin dan efektif.
- 5.2** Mewujudkan lebih banyak platform untuk memperkasakan peranan AKRAB terutama daripada segi kemahiran sesi bimbingan dan fasilitator menerusi penglibatan dalam program / aktiviti Kementerian serta rujukan kes kepada ahli AKRAB oleh pihak jabatan.
- 5.3** Mewujudkan Sistem Rekod Perkhidmatan AKRAB yang khusus bagi mengawal selia aktiviti / program bimbingan yang dilaksanakan selain memastikan kefungsian ahli AKRAB di peringkat jabatan.

6.0 ULASAN (KESELURUHAN) PENYELARAS KEMENTERIAN/ JABATAN/ SUK

Secara keseluruhan Program AKRAB Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bagi Tahun 2023 telah dapat dilaksanakan dengan jayanya. Semua ahli AKRAB Kementerian termasuk di KPDN Negeri dan Cawangan telah memberi kerjasama dan komitmen yang baik terhadap program yang dianjurkan. Ini seperti mana yang telah dihasratkan oleh Ketua Setiausaha KPDN selaku Penaung AKRAB agar ahli AKRAB sentiasa proaktif dan giat memainkan peranannya sebagai *Agent of Change* kepada Kementerian dalam pembentukan modal insan yang baik serta berkualiti.

Disediakan oleh:

Unit Pengurusan Psikologi

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup